

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM]

TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pengangguran belia dan guna tenaga tidak penuh (underemployment) belia mengikut pecahan kebangsaan, negeri, umur, gender dan kelulusan akademik.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar pengangguran belia pada Mei 2020 adalah 10.0 peratus, meningkat 1.0 mata peratus berbanding April 2020 yang mencatatkan kadar pengangguran 9.0 peratus. Dari segi bilangan, penganggur belia yang berumur 15-30 tahun pada Mei 2020 direkodkan sebanyak 573.7 ribu orang.
2. Pengangguran belia mengikut jantina pula menunjukkan kadar pengangguran belia lelaki adalah 9.6 peratus dengan bilangan penganggur sebanyak 340.1 ribu orang. Sementara itu, kadar pengangguran belia perempuan adalah 10.6 peratus dengan bilangan sebanyak 233.5 ribu orang.

NO SOALAN : 44

3. Majoriti penganggur belia mempunyai kelulusan akademik peringkat menengah dengan bilangan penganggur pada Mei 2020 seramai 254.6 ribu orang yang merangkumi 44.4 peratus keseluruhan penganggur belia.
4. Menjawab kepada persoalan mengenai guna tenaga tidak penuh (*Underemployment*) dalam kalangan belia, statistik menunjukkan 140.6 ribu belia bekerja kurang daripada 30 jam pada Mei 2020. Bilangan ini didapati menurun berbanding April 2020 yang mencatatkan seramai 616.6 ribu orang. Penurunan ini berikutan daripada peralihan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada PKP Bersyarat bermula 4 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020.
5. Pada tahun 2019, kadar pengangguran belia mengikut negeri menunjukkan sebanyak enam negeri yang merekodkan kadar pengangguran belia di atas paras kadar pengangguran belia nasional. Kadar pengangguran belia tertinggi dicatatkan oleh Wilayah Persekutuan Labuan dengan kadar 11.5 peratus. Manakala Negeri Melaka mencatatkan kadar pengangguran terendah pada kadar 2.3 peratus.

Sekian, terima kasih.